



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 11 pagi, 22 September 2026.

Untuk Terbitan Media
22 September 2026

SIARAN MEDIA

OP KESAN PERKESO: SEKTOR INFORMAL, FORMAL JADI TUMPUAN PENGUATKUASAAN

KUALA LUMPUR: Tumpuan penguatkuasaan menerusi Op Kesan 2.0 diperluas mencakupi sektor informal, khususnya tiga sektor yang dikategorikan mandatori mengikut kerangka perundangan semasa untuk caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Timbalan Ketua Eksekutif Operasi PERKESO, Azirruan Arifin, berkata usaha itu selari tekad kerajaan dalam mengukuhkan perlindungan sosial menerusi pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Sehubungan itu, katanya, operasi besar-besaran peringkat kebangsaan kali ini digerakkan melalui lebih 300 anggota di 54 pejabat PERKESO di seluruh negara yang antara lain menyasarkan majikan, penyedia platform dan individu bekerja sendiri.

“Operasi ini dilaksanakan bagi memperkukuh pematuhan undang-undang perlindungan keselamatan sosial termasuk sektor informal yang merangkumi penyedia platform kepada pekerja gig, penjaja, peniaga kecil, yang wajib mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) bawah Akta 789.

“Selaras Akta 872, penyedia platform wajib memastikan pendaftaran dan caruman dibuat dengan teratur. Setakat ini, seramai 1.17 juta pekerja gig telah berdaftar dengan PERKESO dan tindakan penguatkuasaan akan bermula pada 1 Oktober 2026 bagi menjamin pematuhan serta perlindungan pekerja.

“Selain itu, tradisi penguatkuasaan sedia ada tetap dijalankan seperti biasa bagi Akta 4 (LINDUNG Pekerja) serta Akta 800 (LINDUNG Kerjaya) bagi memastikan kewajipan pendaftaran dan caruman dipatuhi, agar mereka yang layak menerima perlindungan keselamatan sosial tidak terpinggir,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Azirruan berkata PERKESO komited untuk memastikan tiada golongan yang tercicir daripada perlindungan keselamatan sosial, dengan pendekatan yang digunakan turut meliputi kaedah advokasi dan pendidikan terutama berkaitan pelaksanaan LINDUNG 24 Jam.

Dalam operasi hari ini, jelasnya, mana-mana majikan yang didapati melanggar undang-undang akan diberi amaran dan teguran, selain dikenakan kompaun.

“Lokasi kawasan tumpuan operasi melibatkan **Pasar Seni, Brickfields, Pudu dan Bandar Baru Ampang di sekitar Lembah Klang.**

“Berdasarkan pelaksanaan Ops Kesan **sejak 2020 sehingga September 2026**, sebanyak **25,011 Notis Kompaun berjumlah RM15 juta** dikeluarkan kepada majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja, manakala **21,177 kes didakwa atas pelbagai kesalahan,**” katanya.

Terdahulu, PERKESO melaksanakan Bulan Pemutihan sebagai satu pendekatan advokasi dan pematuhan sukarela yang memberi peluang kepada majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan

pekerja mereka tanpa dikenakan penalti atau tindakan undang-undang atas kelewatan pendaftaran dan caruman.

Menerusi inisiatif itu, sebanyak 6,586 majikan serta 281,930 pekerja baharu telah berdaftar di mana 247,025 adalah pekerja tempatan dan 34,905 pekerja asing.

Selain itu, 396 majikan baharu memohon remit Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) ke atas Tunggakan Caruman di bawah Akta 4 dan Akta 800 yang melibatkan jumlah RM67,164.

“Setakat jam 11.30 pagi hari ini, operasi telah melibatkan 159 lawatan pemeriksaan dengan pengeluaran 14 notis kompaun berkaitan pelbagai kesalahan di bawah Akta 4, Akta 800, dan Akta 789,” katanya.

Berdasarkan peruntukan undang-undang, mana-mana majikan yang ingkar boleh dikenakan tindakan mahkamah yang boleh membawa kepada denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

22 September 2026